



# KERAJAAN MALAYSIA

---

## PERUNTUKAN DAN PERAKAUNAN PERBELANJAAN, TERIMAAN DAN AKAUN AMANAH TAHUN 2018 BERIKUTAN PENYUSUNAN SEMULA KEMENTERIAN

---

## PERBENDAHARAAN MALAYSIA

## **KANDUNGAN**

### **PENGURUSAN PERBELANJAAN AWAM**

#### **PB 3.4 Peruntukan Dan Perakaunan Perbelanjaan, Terimaan Dan Akaun Amanah Tahun 2018 Berikutan Penyusunan Semula Kementerian**

<b>1. Tujuan.....</b>	<b>3</b>
<b>2. Latar Belakang.....</b>	<b>3</b>
<b>3. Pengurusan Perbelanjaan .....</b>	<b>3</b>
<b>4. Pengurusan Terimaan .....</b>	<b>4</b>
<b>5. Pengurusan Akaun Amanah.....</b>	<b>5</b>
<b>6. Pengurusan Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).....</b>	<b>5</b>
<b>7. Pengurusan Perolehan.....</b>	<b>6</b>
<b>8. Tarikh Kuat Kuasa.....</b>	<b>6</b>
<b>LAMPIRAN A.....</b>	



## KERAJAAN MALAYSIA

### Peruntukan Dan Perakaunan Perbelanjaan, Terimaan Dan Akaun Amanah Tahun 2018 Berikutan Penyusunan Semula Kementerian

#### TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan peraturan mengenai pengurusan peruntukan dan perakaunan perbelanjaan, terimaan dan akaun amanah untuk tahun 2018 berikutan penyusunan semula kementerian berkuat kuasa mulai **2 Julai 2018**.

#### LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Julai 2018 telah memutuskan penyusunan semula senarai agensi di bawah setiap kementerian bagi Parlimen ke-14. Penyusunan semula ini melibatkan beberapa kementerian telah disusun dan dinamakan semula, dua kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan ke kementerian-kementerian lain. Kementerian/jabatan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Selaras dengan keputusan di atas, Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 telah dibentangkan di Parlimen untuk memindahkan program dan agensi di antara kementerian serta program-program yang disusun semula di bawah Maksud Perbelanjaan yang baharu.

#### PENGURUSAN PERBELANJAAN

4. Selaras dengan tatacara penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas* perlu melaporkan peruntukan dan perbelanjaan kementerian yang terlibat dengan penyusunan semula seperti berikut:-

- i. Perbelanjaan yang berpunca daripada transaksi yang berlaku dari 1 Januari 2018 hingga 1 Julai 2018 hendaklah diakaunkan di bawah *Kementerian Penyerah Tugas*; dan

- ii. Perbelanjaan yang berpunca daripada transaksi yang berlaku dari 2 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018 hendaklah diakaunkan di bawah *Kementerian Penerima Tugas*.
5. Selaras dengan keperluan di perenggan 4, kementerian terlibat hendaklah mengambil tindakan berikut:-
- i. Bagi memastikan semua urusan Kerajaan berjalan dengan teratur sementara urusan penyusunan semula selesai, *Kementerian Penyerah Tugas* dibenar meneruskan bayaran hingga 30 September 2018;
  - ii. Bagi semua bayaran *Kementerian Penyerah Tugas* termasuk emolumen yang belum dijelaskan, bayaran ini hendaklah dicaj kepada *Kementerian Penerima Tugas* mulai 1 Oktober 2018;
  - iii. Pelarasan akaun hendaklah dibuat oleh *Kementerian Penyerah Tugas* bagi perbelanjaan dari 2 Julai 2018 hingga 30 September 2018; dan
  - iv. *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas* bertanggungjawab memastikan Laporan Perakaunan adalah teratur selaras dengan tindakan yang dilakukan di perenggan 5(i) hingga 5(iii).
6. *Kementerian Penyerah Tugas* hendaklah mengemaskini maklumat projek-projek di bawah perbelanjaan pembangunan yang terlibat di dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII).

## **PENGURUSAN TERIMAAN**

7. Pegawai Pengawal *Kementerian Penerima Tugas* hendaklah melantik Pegawai Pemungut bagi fungsi yang diambil alih olehnya. Semua terimaan hendaklah diakaunkan seperti berikut:-
- i. Segala terimaan dari 1 Januari 2018 hingga 1 Julai 2018 hendaklah diakaunkan di bawah *Kementerian Penyerah Tugas*;
  - ii. Segala terimaan dari 2 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018 hendaklah diakaunkan di bawah *Kementerian Penerima Tugas*;
  - iii. Pelarasan akaun hendaklah dibuat oleh *Kementerian Penyerah Tugas* bagi terimaan dari 2 Julai 2018 hingga 30 September 2018; dan
  - iv. *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas* bertanggungjawab memastikan Laporan Perakaunan adalah teratur selaras dengan tindakan yang dilakukan di perenggan 7(i) hingga 7(iii).

## **PENGURUSAN AKAUN AMANAH**

8. Pegawai Pengawal yang terlibat dengan penyusunan semula ini dikehendaki menyemak semula tujuan dan maksud penubuhan serta keperluan kumpulan wang amanah dan akaun amanah sedia ada. Kumpulan wang amanah dan akaun amanah yang telah mencapai tujuan dan maksud penubuhannya serta tidak lagi dikehendaki ataupun tidak lagi aktif hendaklah ditutup. Pegawai Pengawal juga bertanggungjawab untuk mengemukakan cadangan pengemaskinian surat ikatan amanah dan arahan amanah kepada Perbendaharaan untuk kelulusan. Cadangan pindaan hendaklah selaras dengan tujuan dan maksud penubuhan kumpulan wang amanah dan akaun amanah berkenaan.

9. Pegawai Pengawal *Kementerian Penyerah Tugas* adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan mana-mana akaun amanah berkaitan yang diserahkan kepada *Kementerian Penerima Tugas* dari 2 Julai 2018 hingga 30 September 2018.

## **PENGURUSAN PROJEK INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)**

10. Projek-projek PFI yang terlibat dalam penguntukan semula hendaklah dipindahkan daripada *Kementerian Penyerah Tugas* kepada *Kementerian Penerima Tugas* dengan pindaan sewajarnya seperti berikut:

- i. Segala perbelanjaan dan terimaan dari 1 Januari 2018 hingga 1 Julai 2018 hendaklah diakaunkan di bawah *Kementerian Penyerah Tugas*;
- ii. Segala perbelanjaan dan terimaan dari 2 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018 hendaklah diakaunkan di bawah *Kementerian Penerima Tugas*;
- iii. Pelarasan akaun hendaklah dibuat oleh *Kementerian Penyerah Tugas* bagi perbelanjaan dan terimaan dari 2 Julai 2018 hingga 30 September 2018; dan
- iv. *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas* bertanggungjawab memastikan Laporan Perakaunan adalah teratur selaras dengan tindakan yang dilakukan di perenggan 10(i) hingga 10(iii).

11. *Kementerian Penyerah Tugas* hendaklah mengemaskini maklumat projek-projek PFI yang terlibat di dalam SPPII.

## **PENGURUSAN PEROLEHAN**

12. Lembaga Perolehan Kementerian adalah terbatal bagi Kementerian yang dibubarkan. Perolehan yang diuruskan oleh *Kementerian Penyerah Tugas* yang belum dipertimbangkan, hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan *Kementerian Penerima Tugas* tertakluk kepada pewartaan dalam Warta Kerajaan Persekutuan.

13. Pentadbiran kontrak bagi kontrak perolehan/projek bagi yang terlibat dalam penguntukan semula hendaklah dipindahkan daripada *Kementerian Penyerah Tugas* kepada *Kementerian Penerima Tugas* dengan pindaan sewajarnya mengikut klausa di dalam kontrak.

14. Perolehan yang telah dikeluarkan pesanan Kerajaan di *Kementerian Penyerah Tugas* sebelum 30 September 2018 hendaklah diselesaikan urusan perolehan dan pembayarannya di kementerian yang sama bagi memastikan semua urusan perolehan adalah sempurna dan teratur.

## **TARIKH KUAT KUASA**

15. Pekeliling ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Julai 2018 dan tertakluk kepada pindaan serta keputusan semasa Kerajaan.

## Senarai Kementerian Yang Terlibat Dalam Penyusunan Semula Kementerian 2018

Maksud Bekalan	Kementerian Penyerah Tugas	Jabatan / Agensi	Maksud Bekalan	Kementerian Penerima Tugas
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Pihak Berkuasa Koridor	B/P.10	Perbendaharaan
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perangkaan Unit Seranta FELDA Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC)	B/P.15	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (Baharu)
B/P.22	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Pihak Berkuasa Kemajuan Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Majlis Amanah Rakyat (MARA)		
B/P.10	Perbendaharaan	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	B/P.22	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
B/P.29	Kementerian Tenaga, Teknologi dan Air (KeTTHA)	Jabatan Bekalan Air Jabatan Perkhidmatan Pembentukan	B/P.23	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)		
B/P.29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	Bahagian Pengurusan Tenaga		
B/P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Keusahawanan Bumiputera dan PKS Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corporation Malaysia)	B/P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan (Baharu)
B/P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	Pembangunan Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Maktab Koperasi Malaysia (MKM)		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak	B/P.28	Kementerian Pengangkutan
B/P.29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	Pengurusan Tenaga		
B/P.23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Jabatan Alam Sekitar Jabatan Biokeselamatan Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	B/P.30	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC) Malaysia Industry-Government Group For High Technology (MIGHT)		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan		
B/P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Jabatan Lanskap Negara Bahagian Kesejahteraan Bandar Bahagian Perkhidmatan Perbandaran	B/P.32	Kementerian Wilayah
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	Syarikat Perumahan Negara Berhad		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Bahagian Kampung Baru Perbadanan Perumahan Negara (PRIMA) Perumahan Penjawat Awam	B/P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
B.11	Perbendaharaan Am Perbendaharaan	Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC)		
B/P.60	Kementerian Pertahanan	Jabatan Latihan Khidmat Negara	B/P.45	Kementerian Belia dan Sukan
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Biro Tatanegara		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)	B/P.46	Kementerian Sumber Manusia
B/P.46	Kementerian Belia dan Sukan	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	B/P.47	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
B.11	Perbendaharaan Am Perbendaharaan	Cyberview Sdn Bhd		
B/P.30	Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi	CyberSecurity Malaysia (CSM)		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)	B/P.62	Kementerian Dalam Negeri
B/P.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	Jabatan Arkib Negara Perpustakaan Negara	B/P.63	Pendidikan
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Bahagian PERMATA		